

Terap budaya kerja berpasukan

Program 'Retreat And Effective Leaving Activities' SKSB sukses

UB 10.11.2019

LABUAN: Seramai 30 staf dan 70 ahli keluarga menyertai Program Retreat and Effective Leaving Activities anjuran Sekolah Kebangsaan Sungai Bedau (SKSB) di Nahandang Resort, Kota Belud, Sabah pada 25 dan 26 Oktober lalu.

Program Retreat and Effective Leaving Activities yang julung kali diadakan itu dianjurkan oleh pihak pentadbiran SKSB merupakan satu program ke arah meningkatkan pengetahuan dan kemahiran profesionalisme secara berterusan, mewujudkan dan memantapkan nilai dan amalan profesional serta usaha ke arah menjayakan semangat kekitaan dalam organisasi.

Rombongan ini yang diketuai Guru Besar SKSB, Dg. Sarifah A. Mahmud, berangkat seawal jam 6 pagi dengan menaiki feri kenderaan dari Labuan ke Menumbok, Sabah.

Sebuah coaster Pusat Kurikulum, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah digunakan untuk membawa 25 orang peserta ke Nahandang manakala sebilangan ahli rombongan menaiki kenderaan perendirian.

Penyelaras program, Rina Farrina Dakim berkata Program Retreat and Effective Leaving Activities bertujuan untuk memberi peluang kepada semua guru dan kakitangan sekolah berinteraksi antara satu sama lain secara lebih mesra.

"Ianya secara tidak langsung memberi peluang kepada guru dan kakitangan menyelami rakan sekerja dengan lebih mendalam lagi."

"Ia juga diharap dapat membina kesimbangan intelek, jasmani, emosi dan rohani semasa program dijalankan," katanya berpuas hati dengan kerjasama semua peserta.

Rombongan ini memulakan siri lawatan ke Rumah Anak Yatim As-Sakinah, Kinarut dengan menyumbangkan sebanyak lapan kotak berisi makanan, pakaian dan buku-buku serta sumbangan peribadi guru-guru untuk anak-anak yatim di rumah tersebut.

Dg. Sarifah menzahirkan ucapan terima kasih kepada semua warga SKSB yang telah menyumbangkan barang mahupun wang ringgit untuk anak-anak yatim As-Sakinah.

"Semoga sumbangan yang tidak seberapa ini dapat membantu anak-anak As-Sakinah belajar dengan tekun dan meneruskan kelangsungan hidup dengan lebih ceria."

"Kami juga mendoakan agar anak-anak ini berjaya dengan cemerlang dalam kehidupan," katanya ketika menyampaikan sumbangan tersebut.

Sementara itu, menurut Pengurus Rumah Anak Yatim As-Sakinah, Ustaz Haji Nazmudin Muhammad seramai 45 murid menghuni dua buah rumah yang dibeli hasil sumbangan orang ramai.

Mereka yang dijaga oleh empat orang warden dihantar ke sekolah setiap hari dengan menaiki dua buah van.

"Anak-anak As-Sakinah merupakan anugerah yang amat bermakna. Mereka bukan sahaja boleh menghafaz Al-Quran, mengetui majlis-majlis keagamaan seperti tahlil, khatam Al-Quran bahkan untuk aktiviti kurikulum seramai 8 orang berjaya sampai ke puncak Gunung Kinabalu pada tahun lepas."

"Pada tahun ini seramai 16 orang telah dilatih untuk menawan gunung yang tertinggi di Asia Tenggara itu," katanya ketika majlis penyerahan sumbangan daripada warga SKSB.


Seterusnya peserta Retreat and Effective Leaving Activities SKSB dibawa melawat Jabatan Psikologi dan Pendidikan Universiti Malaysia Sabah (UMS) untuk sesi perkongsian masalah pembelajaran anak-anak autism bersama Dr Zaiton dan pelajar jurusan psikologi.

Mereka turut dibawa melawat makmal Jabatan Psikologi dan Muzium Marin UMS.

Seusai lawatan, rombongan SKSB meneruskan destinasi seterusnya iaitu ke Nahandang Resort, Malangkap untuk aktiviti 'team building' yang dikendalikan oleh Azwan.

Semua peserta menu-

MAH ANAK YATIM DAN ASNAF AS SAKINAH KINARUT PAPAR, SABAH.



SUMBANGAN: Dg. Sarifah menyampaikan sumbangan berupa pakaian, makanan, buku-buku dan wang kepada Haji Nazmudin Muhammad.



CUBA: Rina Farrina (kiri) sedang mencanting batik sambal diperhatikan oleh Rothman (kanan) dan Cikgu Dg Sarifah (dua kiri).

jukkan komitmen yang tinggi dan berani melakukan aktiviti yang mencabar untuk pasukan masing-masing.

Dalam ucapannya semasa majlis Apresiasi, Dg. Sarifah menekankan perihal pentingnya kerja berpasukan.

Katanya, ini adalah kerana pasukan mempunyai banyak kelebihan daripada individu.

Beliau menjelaskan, kelebihan begitu ketara dari segi pengalaman, kemahiran, perolehan maklumat, pembagian kerja dan pengembangan tenaga.

"Saya selaku pengurus, kakak dan ibu kepada warga SKSB merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada cikgu Rina selaku penyelaras program yang telah bejaya menyusun dan aktiviti serta bertungkus lumus memastikan program



TERUA: Ahli rombongan begitu teruja setelah melihat ikan di Muzium Marin, UMS.

kita berjalan dengan lancar.

"Ucapan terima kasih juga kepada semua guru dan ahli keluarga yang turut serta menyertai program ini dari mula sampai akhir. Sesungguhnya kita telah mencipta satu kenangan yang begitu indah untuk disemat dalam ingatan," ujarnya penuh bangga dengan komitmen semua peserta.

Antara kejayaan yang telah diraih oleh SKSB sepanjang tahun ini ialah Karnival Keusahawanan, Anugerah Surau Imarah Sekolah-se-



KENANGAN: Dg. Sarifah merakamkan gambar kenangan bersama guru-guru dan ahli keluarga di Nahandang dengan berlatar belakang Gunung Kinabalu.



ALBUM: Rombongan SKSB bergambar bersama anak-anak di Rumah Anak Yatim As-Sakinah, Papar.



CERIA: Dg. Sarifah (enam kiri) dan Rina Farrina (enam kanan) bergambar bersama guru-guru di Rumah Anak Yatim As-Sakinah.



TERUA: Ahli rombongan begitu teruja setelah melihat ikan di Muzium Marin, UMS.

kita berjalan dengan lancar.

"Ucapan terima kasih juga kepada semua guru dan ahli keluarga yang turut serta menyertai program ini dari mula sampai akhir. Sesungguhnya kita telah mencipta satu kenangan yang begitu indah untuk disemat dalam ingatan," ujarnya penuh bangga dengan komitmen semua peserta.

Antara kejayaan yang telah diraih oleh SKSB sepanjang tahun ini ialah Karnival Keusahawanan, Anugerah Surau Imarah Sekolah-se-



KESEMPATAN: Ahli rombongan SKSB sempat merakamkan gambar di makmal Jabatan Psikologi, UMS bersama Dr Zaiton (tiga kiri).

kolah (ASIS), Amalan Terbaik Pengurusan Kantin Sekolah, Amalan Terbaik Kelab SPBT, naib johan Pertandingan Nasyid, johan Pertandingan Bicara Berirama dan johan Merentas Desa.

Pada hariterakhir program rombongan SKSB turut berkesempatan melawat

Rothman Batik Sdn Bhd yang terletak di Tuaran. Mereka diajar cara mencanting batik.

"Semoga kemeriahan dan kemesraan yang digarap melalui program ini akan dapat diteruskan untuk mencipta kejayaan demi kejayaan kepada anak didik SKSB yang tercinta," jelas Dg Sarifah.